


(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

18 AUG USM FOKUS TERAMPIL UNTUK PEMBANGUNAN HOLISTIK AHLI AKADEMIK



PULAU PINANG, 18 Ogos 2015 - Universiti Sains Malaysia (USM) memperkenalkan dasar yang dinamakan TeRamPil sebagai asas untuk pembangunan kerjaya ahli akademik pada masa hadapan.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman menjelaskan, TeRamPil (akronim dari Teaching/Teacher/, Researcher/Practitioner/ Leader) yang berasaskan kepada peningkatan kualiti kerjaya dalam pengajaran dan pendidikan sebagai seorang pendidik, penyelidik, pengamal dan pemimpin

"Model TeRamPil ini adalah untuk memenuhi keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) untuk menghasilkan ahli-ahli akademik yang mempunyai dan menguasai keempat-empat kemahiran tersebut yang bersesuaian dengan seperluan memiliki ketramplilan atau kompeten," kata Omar.



Bercakap kepada kira-kira 200 orang kakitangan USM yang menghadiri Perhimpunan Bulanan hari ini, Naib Canselor menegaskan bahawa semua pihak akan dipastikan terlibat dalam memenuhi model ini yang akan diterjemahkan dalam bentuk latihan, penilaian tahunan malah juga akan digunakan untuk proses kenaikan pangkat sebagai atribut kompetensi qalbu, kompetensi fungsian dan kompetensi generik.

Omar juga menggesa seluruh warga kampus menjayakan usaha transformasi pendidikan tinggi yang dilakukan oleh USM dalam memenuhi PPPM-PT yang sebenarnya telah dijajarkan melalui Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX) yang dirancang melalui proses perancangan senario dan melakukan jangkauan sehingga tahun 2020.

"Kita sedang lalui proses transformasi untuk mengubah lanskap pendidikan tinggi yang tentunya bukan mudah namun perlu dilakukan untuk menyokong pelaksanaan lonjakan PPPMPT terutamanya dalam menghasilkan bakat yang diperlukan universiti dan negara," kata Omar.

Ini katanya termasuklah usaha menjajarkan pencapaian dan menjana pendapatan 30% dari kos pengurusan universiti menjelang tahun 2020 nanti, di samping usaha-usaha yang terkandung dalam Program Penyelidikan dan Inovasi APEX, Program Kepimpinan dan Pembinaan Negara APEX, Perkongsian APEX, 'APEX Extension and Positioning', Pembangunan Akademik dan Pelajar, Kelestarian Kewangan dan Pembangunan Institusi yang dijajarkan dengan 10 Ionjakan PPPM-PT dengan teras USM mentransformasi pengajian tinggi untuk kelestarian hari esok bagi memenuhi usaha menjadi sebuah universiti rujukan kelestarian manakala PPPM-PT berhasrat mentransformasi pendidikan tinggi untuk kecemerlangan.



Sehingga kini, USM telah pun menetap dan menjajarkan hala tujunya sejak awal lagi dengan memenuhi keperluan PPPM-PT, 21.1% akam didefinisikan semula manakala 25.4% skopnya tidak berkaitan dengan USM.

"USM meneruskan usaha untuk mencapai hala tuju di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dengan menjadi sebuah universiti terkemuka dalam penyelidikan bidang-bidang tujuan (niche) dan termaju, menjadi sebuah universiti pilihan pelajar dari dalam mahu pun dari luar negara, menfokuskan usahanya kepada perancangan APEX Fasa 2 dan menjadi universiti rujukan dalam kelestarian," kata Omar lagi.



Tegas Naib Canselor, semua usaha ini nanti akan menjadi sebahagian daripada usaha untuk menyokong perancangan negara dalam memperkuatkuhan pembangunan inklusif, meningkat kesejahteraan rakyat, membangun modal insan, menuju ke arah pertumbuhan hijau, memperkasa aras pertumbuhan dan merekayasa pertumbuhan ekonomi yang didokong oleh projek-projek berimpak tinggi, tindakan segera dan kos yang rendah.

"Kita tidak boleh lagi berada dalam pemikiran lama dengan tindakan yang begitu perlahan, bersikap selesa dan bergerak sendirian dalam mencapai semua hala tuju ini yang melibatkan seluruh komuniti kampus yang merentasi pelbagai kumpulan kakitangan," kata Omar.



Strategi utama USM kini berfokus kepada usaha untuk menjadi 'global research prominence' dalam bidang-bidang tujuan, menjadi sebahagian daripada pemain utama pembinaan negara dengan menghasilkan siswazah pada aras tinggi melalui program pasca-siswazah untuk meningkatkan kebolehpasarananya, menjadi institusi contoh untuk diikuti oleh pihak lain, menjenamakan USM sebagai institusi yang mempunyai kelainan dan terkemuka dalam amalan kelestarian merentasi usaha penyelidikan, akademik dan aktiviti pelajar, menawarkan program akademik yang dikaitkan secara langsung melalui kerangka kerjasama dengan institusi terkemuka serantau dan antarabangsa, mencapai keupayaan untuk menjana 30% keperluan kewangannya menjelang tahun 2020 serta mentransformasikan USM sebagai sebuah organisasi yang efisyen.

"Lantaran itu juga, USM menyusun juga strategi khusus untuk memenuhi sasaran tahun 2020 melalui usaha menghasilkan bakat yang relevan dengan keperluan negara dan senario global masa hadapan, menyediakan program akademik yang menumpukan kepada Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan

Perubatan (STEM) dan rentas bidang khususnya kelestarian sebagai pilihan pelajar, memperkasakan program penyelidikan yang bertanda aras tinggi mengikut keperluan masa hadapan serta memastikan USM terus berdaya saing dari segi kos, kecekapan dan pendapatan," kata Omar lagi.



Berkaitan dengan itu juga, USM tambah Naib Canselor akan mempergiatkan usaha melebarkan program-program akademik pesisir terutamanya pada peringkat antarabangsa yang kini sebahagiannya sudah dalam perbincangan dan perundingan serta menetapkan model pembangunan kerjaya pelajar mahu pun pensyarah khusus melalui model TeRamPiL.

Teks: Mohamad bin Abdullah



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015